

02 DEC 2003

Sabah-Penggiliran (Analisis berita)

BN SABAH BAKAL BINCANG ISU PENGGILIRAN KETUA MENTERI

Oleh: Jackson Sawatan (sila abaikan analisis terdahulu)

KOTA KINABALU, 2 Dis (Bernama) -- Dalam beberapa minggu ini, Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuarat penting untuk menyelesaikan isu berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah bagi tempoh dua tahun antara masyarakat bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina.

Selepas Perdana Menteri, merangkap Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata BN Sabah seharusnya menyelesaikan isu tersebut antara kalangan mereka sendiri, isu tersebut kini ia terpulang kepada BN Sabah.

Mesyuarat yang akan berlangsung sebelum pilihan raya Sabah akan datang merupakan mesyuarat penting apabila pemimpin BN negeri akan membincangkan apakah yang terbaik bagi sistem itu, yang mula diperkenalkan di Sabah sejak BN mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada Mac 1994.

Isu tersebut sebelum ini menjadi bahan perbincangan di kalangan pelbagai pihak dan kenyataan-kenyataan mengenainya sering menjadi tajuk utama akhbar tempatan.

Pun begitu, apa yang jelas kelihatan ialah wujudnya kesediaan di kalangan parti-parti komponen untuk duduk dan berbincang mengenai masa depan sistem itu.

Perbincangan mengenai isu itu kini reda apabila Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman yang juga Pengerusi BN Negeri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah meminta semua pihak menghentikan debat mengenainya.

Musa berkata hakikat sebenarnya ialah pemimpin parti komponen BN Sabah mengambil pendekatan mesra antara satu sama lain dalam menangani isu itu.

"Apa yang lebih penting ialah kami dalam BN mempunyai kepentingan bersama iaitu untuk mencari jalan bagaimana memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," kata beliau.

Berikut adalah pendirian beberapa parti komponen BN berhubung isu itu seperti yang dilaporkan dalam media:

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan kekal dengan pendirian partinya yang menentang sistem penggiliran kerana ia tidak termaktub dalam perlembagaan.

Presiden Pertubuhan PasokmomoGun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) Tan Sri Bernard Dompok pula mencadangkan kuota perkongsian kuasa berasaskan 40:40:20 iaitu Bumiputera Islam dan Bumiputera bukan Islam masing-masing memegang 40 peratus kuasa dan masyarakat Cina memegang 20 peratus.

Presiden Parti Progresif Sabah (SAPP), Yong Teck Lee pula mahukan aturan yang sama seperti Sarawak, di mana setiap komponen parti memainkan peranan yang bermakna dalam kerajaan.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berkata sistem itu mempunyai objektif yang murni tetapi sekiranya didapati tidak berjalan dengan lancar, parti itu bersedia untuk berbincang mengenai alternatifnya.

Presiden Parti Demokratik Liberal Datuk Chong Kah Kiat bagaimanapun berkata BN sudahpun berkongsi kuasa di Sabah, dan oleh itu aturan atau formula baru adalah tidak perlu.

Beliau menambah bahawa sistem itu seharusnya dimansuhkan dan Umno harus dibenarkan mengambil alih dan menerajui negeri.

Demikianlah pandangan parti-parti komponen BN Sabah terhadap sistem itu yang diilhamkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika berlangsungnya kempen pilihan raya Sabah yang kelapan pada 1994.

Sistem itu berlangsung dengan lancar mengikut kitarannya tetapi sejak

akhir-akhir ini ada yang berpendapat sudah tiba masanya BN Sabah mengusahakan perkongsian kuasa yang baru di negeri ini.

Terdapat banyak saranan mengenai bentuk perkongsian kuasa yang baru itu tetapi pada akhirnya hanya BN yang akan memutuskannya selepas mengambil kira semua perkara.

Antara isu yang perlu diselesaikan adalah isu berhubung perkongsian kuasa itu sendiri, menurut satu sumber.

Seorang analisis pula berkata "kuasa perlu dikongsi antara kalangan masyarakat".

Sesetengah pihak pula berpendapat supaya dilakukan penggiliran bagi jawatan-jawatan penting dalam kerajaan sahaja tanpa perlu menggilirkan jawatan ketua menteri.

Lebih cepat isu penggiliran itu diselesaikan, adalah lebih baik bagi BN, yang kini akan bakal berhadapan dengan pilihan raya negeri selewat-lewatnya April tahun depan.

"Kami mahu hadapi pilihan raya dengan kepastian... kerana ada sesetengah pihak mahukan perkara ini digariskan dalam manifesto pilihan raya," kata Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Salleh Tun Said.

Apapun kesudahannya, BN Sabah akan pasti memutuskan isu itu dengan berbekalkan kekukuhan perpaduan yang ada di kalangan mereka.

-- BERNAMA

JS AZH